



KENYATAAN UMUM

**PENUTUPAN SEMENTARA IBU PEJABAT DAN SEMUA
PEJABAT ZON LEMBAGA PERLESENAN TENAGA ATOM
BERMULA DARIPADA 18 MAC SEHINGGA 31 MAC 2020
BERIKUTAN WABAK COVID-19**

Merujuk kepada perutusan khas YAB Perdana Menteri Malaysia pada 16 Mac 2020 berhubung Perintah Kawalan Pergerakan, Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (LPTA) telah memutuskan untuk menutup sementara Ibu Pejabat dan semua Pejabat Zon LPTA berkuatkuasa 18 sehingga 31 Mac 2020. Tindakan ini dibuat setelah mengambil kira kepentingan kesihatan awam dan usaha dalam menyekat penularan wabak COVID-19.

Walaupun bagaimanapun, pemegang lesen dan orang awam masih boleh menggunakan perkhidmatan yang disediakan oleh LPTA menerusi Sistem eLesen eSPP di atas talian ataupun melalui emel. Bagi memastikan mutu perkhidmatan di LPTA terus terjamin, berikut disertakan *Person in Charge* (PIC) dari bahagian yang terlibat sekiranya terdapat sebarang permasalahan yang timbul.

(i) Bahagian Penilaian dan Perlesenan

- Encik Fedrick Charlie Matthew Brayon - fedrick@aelb.gov.my
- Encik Muhammad Hassyakirin Hasim - kirinhasim@aelb.gov.my
- Encik Muhammad Redza Fahmi Rosdi - redza@aelb.gov.my

(ii) Bahagian Kawalselia Sinaran

- Dr. Suhana Jalil - suhana@aelb.gov.my
- Encik Mohd Hazmin Safiyudin Abdullah - hazmin@aelb.gov.my

(iii) Unit *Information and Communications Technology* (ICT)

- Encik Hafiz Hadzori - hafizh@aelb.gov.my

(iv) Unit Kewangan

- Cik Norjehan Abdullah - norjehan@aelb.gov.my

Di samping itu, selari dengan usaha yang dijalankan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), LPTA turut menyeru agar semua pihak bersama-sama membantu dalam membendung penularan wabak COVID-19 di Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
LEMBAGA PERLESENAN TENAGA ATOM**

17 Mac 2020 @ 4.00 petang